

BULLETIN

Jabatan Laut Malaysia

FEBRUARI 2021
EDISI 02



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19



Penyerahan sijil E-Census kepada Jabatan Laut Malaysia



**Kumpulan vaksin pertama
akan tiba pada 21 Februari ini!**

Muat turun penerangan lanjut
di vaksinovid.gov.my



**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**

**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA**



 [jabatanlaut](https://www.instagram.com/jabatanlaut)

 [@lautmy](https://twitter.com/@lautmy)

 [JabatanLautMalaysia](https://www.facebook.com/JabatanLautMalaysia)

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg Dato' Haji
Baharin Bin
Dato' Abdul
Hamid



Ketua Editor
Muhammad
Shuhaimi Bin Abd
Rahman



Norhayati
Binti Ibrahim



Reeta
Francis



Egbert
Adolf
Naintin



Muhammad
Zulhafeez
Bin Shaidin



Siti
Norparlila
Binti Sidek



Sharifah
Taherah Binti
Shabbir Ahmad



Asrul Hafandi
Bin Awang Haji

isikandungan

info menarik

03 Vaksin Harapan Baharu

CAKNA JLM

04 Kunjungan Hormat dan Lawatan

05 Program dan Bengkel

08 Penguatkuasaan dan Operasi

Covid 19

09 Norma Baharu Mencegah COVID19

PANDANG MEDIA

10 18 FEBRUARI 2021
SIARAN MEDIA JABATAN
LAUT MALAYSIA:
PENUKARAN NAMA TIOMAN
HARBOUR TELUK GADING
KEPADA TERMINAL FERI
PENUMPANG TELUK GADING.

11 18 FEBRUARI 2021
SIARAN MEDIA JABATAN
LAUT MALAYSIA:
STATUS OPERASI
TERMINAL PENUMPANG
DAN BILANGAN TRIP FERI
PENUMPANG DI BAWAH
KAWAL SELIA JABATAN
LAUT MALAYSIA

15 19 FEBRUARI 2021
SIARAN MEDIA JABATAN
LAUT MALAYSIA:
KEJADIAN KAPAL LAYAR
TERBAKAR DI PERAIRAN
LANGKAWI

16 Berita
-Bernama
-Berita Harian

SuDut KreaTif

17 Geli Hati

Baca/Read

28 -Tatabahasa
tsundoku

Perkongsian

19 Sentuhan Rohani
-Berfikir Sejenak (Mutiara Kata)

20 Dapur JLM
- Resepi jenahak masak
stim



CARA WAKSIN BERFUNGSI DI DALAM TUBUH MANUSIA



Kementerian
Kesihatan
Malaysia



MYHEALTHKKM



Waksin COVID-19
disuntik di dalam badan



Hasil suntikan vaksin,
sistem imuniti badan
akan menghasilkan
antibodi yang spesifik
terhadap virus COVID-19



Waksin **meningkatkan**
tahap imuniti badan
tanpa menyebabkan
jangkitan penyakit



Hasil daripada suntikan
vaksin, **sistem antibodi**
bertindak ke atas
virus COVID-19
sekiranya terdedah
kepada virus COVID-19

Layari

vaksinovid.gov.my

**untuk mengetahui maklumat terkini
berkenaan vaksin**

Kandungan laman web ini akan
meliputi maklumat terkini tentang
vaksin COVID-19 termasuk
memaparkan maklumat
mengenai soalan-soalan lazim,
berita terkini, info JKJAV dan
anda boleh memuat turun
Buku Panduan Program Imunisasi
COVID-19 Kebangsaan.



**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**



JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN WAKSIN COVID-19 (JKJAV)

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN

22 FEB 2021

PENGARAH JABATAN LAUT WILAYAH TIMUR YANG BAHARU MENGADAKAN KUNJUNGAN HORMAT PERTAMA KE ATAS SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU

Terengganu - Pengarah Jabatan Laut Wilayah Timur yang baharu, En. Hairizam bin Albukhari, telah mengadakan kunjungan hormat pertama ke atas YB Dato' Mohd Zahari Md Azahar, Setiausaha Kerajaan Terengganu. Turut hadir bersama ialah En. Burhanudin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah (Operasi) dan En Wan Muhammad Fakhru Syafiq Khalid - Penolong Pengarah (Pentadbiran)



Antara isu-isu yang dibincangkan dalam pertemuan yang hampir 1 jam tersebut ialah berkaitan dengan kerjasama dua hala antara Jabatan Laut Malaysia dan Kerajaan Negeri Terengganu dalam memastikan Perairan Pantai Timur khususnya Negeri Terengganu sentiasa dalam keadaan selamat, bebas dari pencemaran laut dan memastikan pemain industri maritim sentiasa mamatuhi undang-undang dan peraturan yang seterusnya akan menjamin peningkatan sektor maritim dan pelancongan Negeri Terengganu.



PROGRAM DAN BENGKEL

09 Febuari 2021

PENYERAHAN SIJIL E- CENSUS KEPADA JABATAN LAUT MALAYSIA



Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia - Tahniah dan Syabas kepada Jabatan Laut Malaysia diatas penganugerahan sijil E- Census daripada Pengarah, Jabatan Perangkaan Negeri Selangor, En. Mohd Amri Bin Idris, kepada Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia, YBhg Dato' Hj Baharin Bin Dato' Abd Hamid dan Pengarah Jabatan Laut Wilayah tengah, Hj. Baharudin Bin Zakaria.



16 Febuari 2021

Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur- Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur Bagi Pelaksanaan Pembancian e-Census

Sesi penyerahan sijil penghargaan daripada Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Terengganu, Encik Sofi bin Ali kepada Pengarah Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur, Encik Hairizam bin Albukhari kerana telah mencapai 100% pembancian melalui sistem e-Census.



PROGRAM DAN BENGKEL



26 FEBRUARI 2021

MENGANUGERAHKAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA

Pulau Pinang - Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia - YBhg Datuk Isham bin Ishak telah menganugerahkan Sijil Penghargaan kepada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara atas pencapaian cemerlang prestasi 100% pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh 7 hari sepanjang tahun 2020. Prestasi ini merupakan KPI Kementerian yang juga telah digarap sebagai KPI Sektor Pengurusan Wilayah Utara



Pulau Pinang - Pengarah Laut Wilayah Utara dan pegawai-pegawai kanan Utara yang lain menjayakan Program Pembuangan Abu Al-Quran di Perairan Pulau Kendi, Pulau Pinang. Program ini dilaksana Jabatan Laut Malaysia dengan kerjasama Jabatan Ehwat Agama Islam Pulau Pinang, Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dan Polis DiRaja Malaysia. Semoga program untuk terus memelihara kesucian kitab Al-Quran ini mendapat keredhaan Allah SWT.

23 - 24 FEBRUARI 2021



PROGRAM PEMBUANGAN ABU AL-QURAN



PROGRAM DAN BENGKEL

23 FEBRUARI 2021

Amanat Khas YBr. Pengarah Laut Wilayah Selatan dan
Majlis Kesyukuran JLM Wilayah Selatan



Johor - Majlis dihadiri semua pegawai dan Ketua Pejabat Laut menerusi Video Conferencing menerusi Skype itu bertujuan merakamkan ucapan penghargaan kepada para pegawai yang menerima kenaikan pangkat serta sebagai memenuhi program CTP Jabatan yang secara berterusan menyokong dalam memberikan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan di wilayah ini dalam urusan harian Jabatan serta pencapaian bagi tahun 2020/2021 sehingga Febuari 2021.

Antara lain intipati ucapan YBr. Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut Wilayah Selatan ialah mengingatkan semua warga wilayah supaya meningkatkan pencapaian wilayah ke satu tahap yang membanggakan di samping mengingatkan aspek berintegriti tanpa kompromi dalam menjalankan tugas.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Tuan Mohd. Hisham bin Rubani dan Tuan Fakhrol Anwar bin Abu Hasan yang telah menerima kenaikan pangkat masing-masing.



PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

16-20 FEBRUARI 2021

PEMERIKSAAN ALAT BANTUAN PELAYARAN (ANF)



Johor - Jabatan Laut Malaysia mengadakan pemeriksaan Alat Bantuan Pelayaran (ANF) pada 16/02/2021 sehingga 20/02/2021. Pemeriksaan yang melibatkan 2 kumpulan ini masing-masing diketuai oleh Tuan Saiful Islam (Kumpulan Laut) dan Puan Noranita Md Saleh (Kumpulan Darat).

Lokasi hari pertama kumpulan darat bagi pemeriksaan ANF di bawah pemantauan Bahagian Pengurusan Trafik & Bantuan Alat Pelayaran JLM ialah di boya Tg. Piai, bikon Tg Piai dan Rumah Api Bukit Segenting.



15-20 FEBRUARI 2021




Sarawak - Jabatan Laut Wilayah Sarawak telah berjaya menjalankan satu Program Pemantauan Khas bagi memantau tahap keselamatan kapal Feri RoRo River Crossing di seluruh Perairan Sarawak. Operasi sepanjang 6 Hari ini bermula dari Batang Lupar sehingga ke Sungai Marudi melibatkan sebanyak 15 Feri telah diperiksa di 9 Terminal Pengkalan Feri seluruh Sarawak.

Terdapat pelbagai SOP baru telah dibangun pihak operator dari segi proses naik dan turun kenderaan ke dalam Feri dan pelbagai maklumat dapat diperoleh ke arah memastikan sistem pengangkutan air sebagai diantara nadi perhubungan di negeri Sarawak beroperasi dengan selamat, sistematik serta mamatuhi segala SOP KKM dalam mencegah pandemik Covid-19 keatas pengguna-pengguna feri di Sarawak.

PROGRAM PEMANTAUAN KHAS BAGI MEMANTAU TAHAP KESELAMATAN KAPAL FERI RORO RIVER CROSSING DI SELURUH PERAIRAN SARAWAK.




**BULETIN JLM/
FEBRUARI 2021** **08**



Pembudayaan Norma Baharu
Bagi Mencegah Penularan COVID-19

08 FEBRUARI 2021

Kerja-kerja sanitasi Ibu Pejabat Laut Wilayah Selatan.



Aktiviti sanitasi yang bermula pada jam 10.30 malam telah mendapat kerjasama pegawai dan anggota daripada Balai Bomba dan Penyelamat, Iskandar Puteri dengan kekuatan seramai 5 orang pegawai dan kakitangan Jabatan berkenaan.



Kerja-kerja sanitasi yang melibatkan 4 buah lokasi utama yang telah dikenalpasti telah berakhir sepenuhnya pada jam 11.50 malam.



PANDANG MEDIA

18 FEBRUARI 2021

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA: PENUKARAN NAMA TIOMAN HARBOUR TELUK GADING KEPADA TERMINAL FERI PENUMPANG TELUK GADING.



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA - UNTUK SIARAN SEGERA

PENUKARAN NAMA TIOMAN HARBOUR, TELUK GADING KEPADA TERMINAL FERI PENUMPANG TELUK GADING

Siaran ini dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia untuk memaklumkan kepada warga berkenaan penukaran nama *Tioman Harbour* ditukar kepada **Terminal Feri Penumpang Teluk Gading**.

Jabatan Laut Malaysia (JLM) mengambil maklum berkenaan surat pekeliling YB. Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 09 Disember 2020, yang memaklumkan pertukaran nama Terminal Feri Penumpang Tanjung Gemok, Rompin kepada *Tioman Harbour*.

JLM melalui surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan pada 3 Februari 2021 telah mengesyorkan supaya nama *Tioman Harbour* ditukar menjadi **Terminal Feri Penumpang Teluk Gading**, bagi mencerminkan lokasi sebenar terminal feri penumpang ini. Ini juga selaras dengan nama terminal yang berdasarkan lokasi, sebagai contoh Terminal Penumpang Kuah di Kuah, Pulau Langkawi dan Terminal Penumpang Lumut di Lumut, Perak.

JLM selaku agensi yang mengawal selia terminal tersebut mengucapkan setinggi terima kasih atas persetujuan YB. Setiausaha Kerajaan Pahang dan Kerajaan Negeri Pahang ke atas penukaran nama tersebut.

Pada 09 Disember 2020 yang lalu, surat pekeliling YB. Setiausaha Kerajaan Pahang Bilangan 2 Tahun 2020 memaklumkan berkaitan penukaran nama tempat yang melibatkan pejabat laut dan terminal feri di bawah seliaan Jabatan Laut Wilayah Timur.

- i. Pejabat Laut Tanjung Gemok kepada **Pejabat Laut Teluk Gading**
- ii. Terminal Feri Penumpang Tanjung Gemok kepada *Tioman Harbour*
 - Pada 11 Februari 2021, *Tioman Harbour* ditukar kepada **Terminal Feri Penumpang Teluk Gading**

JABATAN LAUT MALAYSIA

18 FEB, 2021

-TAMAT-

Tentang Jabatan Laut Malaysia (JLM):

Mentadbir urusan perkapalan dan pelabuhan serta hal ehwal maritim di perairan Malaysia. Menentukan sistem perhubungan laut yang selamat, aman dan teratur selain pemuliharaan laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti.

Pertanyaan Media

Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia

Tel +603 - 3346 7793 / 7764

E-mel korporat@marine.gov.my



Ibu Pejabat Laut Feti Surat 12, Jalan Lingsangan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: www.marine.gov.my

PANDANG MEDIA

18 FEBRUARI 2021

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA:

STATUS OPERASI TERMINAL PENUMPANG DAN BILANGAN TRIP FERI PENUMPANG DI BAWAH KAWAL SELIA JABATAN LAUT MALAYSIA



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA - UNTUK SIARAN SEGERA

STATUS OPERASI TERMINAL PENUMPANG DAN BILANGAN TRIP FERI PENUMPANG DI BAWAH KAWAL SELIA JABATAN LAUT MALAYSIA 18 FEB 2021

Jabatan Laut Malaysia (JLM) mengambil maklum perkembangan semasa berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam membendung pandemik Covid19 di negara ini.

Pengangkutan air adalah antara nadi utama negara dan rakyat dalam meneruskan kehidupan dan perkembangan ekonomi. Sehubungan itu berikut adalah **Status Operasi Terminal Penumpang Dan Bilangan Trip Feri Dibawah Kawal Selia Jabatan Laut Malaysia** untuk perhatian warga :

WILAYAH UTARA (PERLIS, KEDAH, P.PINANG DAN PERAK)

Kemaskini 18 Februari 2021

STATUS JETI DI BAWAH KAWAL SELIA JABATAN LAUT WILAYAH UTARA

NEGERI	JETI	JENIS	STATUS	CATATAN
Perlis	Terminal Penumpang Kuala Perlis	Penumpang dan Roro (Domestik)	Beroperasi	n/a
Kedah	Terminal Penumpang Kuala Kedah	Penumpang Domestik	Beroperasi	n/a
	Terminal Penumpang Kuah	Penumpang Domestik dan Antarabangsa	Beroperasi	Hanya Domestik beroperasi manakala Jeti Antarabangsa masih ditutup.
Perak	Terminal Penumpang Lumut	Penumpang Domestik	Beroperasi	n/a
	Terminal Penumpang Pulau Pangkor	Penumpang Domestik	Beroperasi	n/a

STATUS TRIP FERI DAN RORO MULAI 18/2/2021

NEGERI	Laluan		Bilangan Trip Sehari	Catatan
	Dari	Ke		
Perlis	Kuala Perlis	Kuah	0	Perkhidmatan Feri Penumpang dihentikan disebabkan larangan rentas negeri.
			3	Perkhidmatan RoRo diteruskan kerana Perkhidmatan Perlu
Kedah	Kuala Kedah	Kuah	1	Sebelum PKP 8-7 trip sehari untuk kedua sektor.
	Kuah	Kuala Kedah	1	
	Kuah	Kuala Perlis	0	Perkhidmatan Feri Penumpang dihentikan disebabkan larangan rentas negeri.



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: www.marine.gov.my

PANDANG MEDIA

18 FEBRUARI 2021

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA:

STATUS OPERASI TERMINAL PENUMPANG DAN BILANGAN TRIP FERI PENUMPANG DI BAWAH KAWAL SELIA JABATAN LAUT MALAYSIA

			3	Perkhidmatan RoRo diteruskan kerana Perkhidmatan Perlu
	Kuah	Pulau Pinang	0	Dihentikan sejak 20 Oktober 2020 kerana tiada permintaan
Perak	Lumut	Pangkor	6	Sebelum PKP 8 trip sehari untuk kedua sektor.
	Pangkor	Lumut	6	

WILAYAH TENGAH (SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, MELAKA)

STATUS JETI DI BAWAH KAWAL SELIA JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH

Kemaskini 18 Februari 2021

NEGERI	JETI	JENIS	STATUS	CATATAN
Selangor	Jeti Pulau Ketam	Penumpang & Kargo (Domestik)	Beroperasi	n/a
	Jeti Sungai Lima	Penumpang & Kargo (Domestik)	Beroperasi	n/a
Negeri Sembilan	Terminal Jeti Penumpang Port Dickson	Antarabangsa (Dumai – Port Dickson)	Tidak beroperasi	Pihak Indonesia masih belum membenarkan feri antarabangsa beroperasi keluar masuk.

STATUS TRIP FERI MULAI 18/2/2021

NEGERI	Laluan		Bilangan Trip Sehari	Catatan
	Dari	Ke		
Selangor	Jeti Southpoint	Pulau Ketam/Sg. Lima	2	n/a
	Pulau Ketam/Sg. Lima	Jeti Southpoint	2	

WILAYAH SELATAN (JOHOR)

STATUS JETI DI BAWAH KAWAL SELIA JABATAN LAUT WILAYAH SELATAN

Kemaskini 18 Februari 2021

NEGERI	JETI	JENIS	STATUS	CATATAN
Johor	Terminal Jeti Penumpang Muar	Penumpang Antarabangsa	Tidak Beroperasi	Pihak Indonesia masih belum membenarkan feri antarabangsa beroperasi keluar masuk.
	Jeti Penumpang Tg Pengelih	Penumpang Antarabangsa	Tidak Beroperasi	
	Jeti Penumpang Mersing	Penumpang Domestik	Beroperasi	Jeti beroperasi seperti biasa dengan bilangan feri 1 buah feri bagi setiap operator dan setiap penumpang perlu mendapat surat kebenaran perjalanan rentas negeri dari pihak PDRM.

STATUS TRIP FERI MULAI 18/2/2021

NEGERI	Laluan		Bilangan Trip Sehari	Catatan
	Dari	Ke		
Johor	Mersing	Pulau Tioman	1	n/a
	Pulau Tioman	Mersing	1	n/a



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: www.marine.gov.my

PANDANG MEDIA

18 FEBRUARI 2021

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA:

STATUS OPERASI TERMINAL PENUMPANG DAN BILANGAN TRIP FERI PENUMPANG DI BAWAH KAWAL SELIA JABATAN LAUT MALAYSIA

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Kemaskini 18 Februari 2021

STATUS JETI DI BAWAH KAWAL SELIA JABATAN LAUT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

NEGERI	JETI	JENIS	STATUS	CATATAN
Labuan	Jeti Feri Kenderaan Labuan	Roro Domestik dan Antarabangsa	Beroperasi	Hanya Domestik beroperasi. Pelayaran Antarabangsa hanya dibuka untuk kenderaan membawa bekalan.
	Dermaga Merdeka	Penumpang Domestik Laluan Labuan-Limbang-Kota Kinabalu dan Lawas	Tidak Beroperasi	Menunggu kebenaran operasi dari kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.

STATUS TRIP RORO MULAI 18/2/2021

NEGERI	Laluan		Bilangan Trip Sehari	Catatan
	Dari	Ke		
Labuan	Labuan	Menumbok	6	Sebelum PKP 8 trip sehari untuk kedua sektor.
	Menumbok	Labuan	6	
	Labuan	Muara, Brunei	1	n/a
	Muara, Brunei	Labuan	1	n/a

MAKLUMAT TAMBAHAN LAIN

Untuk Wilayah Sabah dan Sarawak Operasi Jeti dan Feri Penumpang adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Untuk Sarawak di bawah Lembaga Sungai Sarawak, dan Sabah di bawah Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS).

Untuk Wilayah Persekutuan Labuan Operasi Jeti Terminal Feri Antarabangsa Labuan adalah dibawah seliaan Labuan Development Authority Holdings (LDAH).



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: www.marine.gov.my

PANDANG MEDIA

18 FEBRUARI 2021

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA:

STATUS OPERASI TERMINAL PENUMPANG DAN BILANGAN TRIP FERI PENUMPANG DI BAWAH KAWAL SELIA JABATAN LAUT MALAYSIA

WILAYAH TIMUR (KELANTAN, TERENGGANU DAN PAHANG)

Kemaskini 18 Februari 2021

STATUS JETI DI BAWAH KAWAL SELIA JABATAN LAUT WILAYAH TIMUR

NEGERI	JETI	JENIS	STATUS	CATATAN
Terengganu	Terminal Jeti Shahbandar, Kuala Terengganu	Penumpang Domestik	Beroperasi	n/a
	Terminal Jeti Penumpang Kuala Besut	Penumpang Domestik	Beroperasi	n/a
Pahang	Terminal Feri Kg. Tekek (Pulau Tioman)	Penumpang Domestik	Beroperasi	n/a
	Terminal Jeti Penumpang Teluk Gading (Tg Gemok)	Penumpang Domestik	Beroperasi	n/a

STATUS TRIP FERI MULAI 7/12/2020

NEGERI	Laluan		Bilangan Trip Sehari	Catatan
	Dari	Ke		
Terengganu	Kuala Terengganu	Pulau Redang	0	Tiada perkhidmatan feri berjadual buat masa ini. Pergerakan hanya menggunakan bot berlesen bagi penduduk tempatan ataupun pelancong.
	Pulau Redang	Kuala Terengganu	0	
	Kuala Besut	Pulau Perhentian	0	
	Pulau Perhentian	Kuala Besut	0	
Pahang	Teluk Gading	Pulau Tioman	0	n/a
	Pulau Tioman	Teluk Gading	0	n/a

Dalam hal ini, Jabatan Laut Malaysia sentiasa komited dalam memastikan jeti yang digunakan berada dalam keadaan yang terbaik bagi memastikan penumpang menikmati sistem pengangkutan yang selesa dan selamat serta memastikan perjalanan feri lancar dan selamat.

Para penumpang feri juga sentiasa diingatkan untuk mematuhi SOP Covid19 yang telah ditetapkan dan sentiasa merancang perjalanan agar kesesakan tidak berlaku di jeti.

JABATAN LAUT MALAYSIA
18 FEB, 2021

-TAMAT-

Tentang Jabatan Laut Malaysia (JLM):

Mentadbir urusan perkapalan dan pelabuhan serta hal ehwal maritim di perairan Malaysia. Menentukan sistem perhubungan laut yang selamat, aman dan teratur selain pemuliharaan laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti.

Pertanyaan Media

Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia

Tel +603 - 3346 7793 / 7620

E-mel korporat@marine.gov.my



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: www.marine.gov.my

19 FEBRUARI 2021

SIARAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA: KEJADIAN KAPAL LAYAR TERBAKAR DI PERAIRAN LANGKAWI



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA – UNTUK SIARAN SEGERA

KEJADIAN KAPAL LAYAR TERBAKAR DI PERAIRAN LANGKAWI

LANGKAWI – Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui pegawai Jabatan Laut Wilayah Utara (JLWU) telah menerima laporan kecemasan kejadian sebuah Kapal Layar telah terbakar berdekatan dengan Pulau Singa Kechil daripada pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) lebih kurang jam 0915H pada 18 Februari 2021 (Khamis).

Kapal Layar **PHOCEA** yang berpendaftaran **St Vincent & the Grenadines** sedang bertabuh dengan membawa seramai 7 orang kru ketika kebakaran berlaku lebih kurang jam 0818H (18 Februari). Kesemua kru kapal warganegara Malaysia telah ditempatkan di Langkawi dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Punca kejadian masih dalam siasatan dan kebakaran dikatakan bermula daripada bahagian belakang kapal layar tersebut.

Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara (JLMWU) bertindak dengan memberikan bantuan pengangkutan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk memadam kebakaran dengan menggunakan aset bot Jabatan MV SUHAIL.

Pada jam 1100H (18 Februari), MV SUHAIL bertolak keluar dari Jeti Tg Lembong ke tempat kejadian dan tiba di tempat kejadian pada jam 1120H bersama Bomba. Usaha memadamkan api telah dijalankan dan Bomba terpaksa membiarkan kebakaran atas faktor keselamatan, angin kencang dan penglihatan terhad waktu malam.

Jabatan Laut Malaysia bersama Bomba terus memantau keadaan kapal tersebut sehingga hari ini bagi memastikan situasi terkawal. Maklumat status terkini yang diterima ialah kapal layar tersebut sepenuhnya karam di tempat kejadian pada latitud 6° 14.249'N longitud 99° 45.603'E.

Lanjutan situasi semasa kapal, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara telah mengeluarkan pekeling pelabuhan bagi memaklumkan kepada masyarakat perkapalan supaya lebih berhati-hati semasa melalui kawasan tersebut.

Susulan kejadian ini pasukan penyiasat telah ditubuhkan oleh JLMWU bagi mengenal pasti punca kejadian

JABATAN LAUT MALAYSIA

19 FEB, 2021

-TAMAT-

Tentang Jabatan Laut Malaysia (JLM):

Mentadbir urusan perkapalan dan pelabuhan serta hal ehwal maritim di perairan Malaysia. Menentukan sistem perhubungan laut yang selamat, aman dan teratur selain pemuliharaan laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti.

Pertanyaan Media

Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia

Tel +603 - 3346 7793 / 7620

E-mel korporat@marine.gov.my



Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7620 | Faks: 603-3168 5289 | Laman Web: www.marine.gov.my

Tioman Harbour ditukar nama kepada Terminal Feri Penumpang Teluk Gading



18 FEBRUARI 2021



KUALA LUMPUR, 18 Feb -- Tioman Harbour di Teluk Gading, Kuala Rompin, Pahang ditukar namanya kepada Terminal Feri Penumpang Teluk Gading bermula 11 Feb.

Jabatan Laut Malaysia (JLM) dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan penukaran nama itu bagi mencerminkan lokasi sebenar terminal feri penumpang berkenaan dan selaras dengan nama terminal berdasarkan lokasi seperti Terminal Penumpang Kuah di Kuah, Pulau Langkawi dan Terminal Penumpang Lumut di Lumut, Perak.

"JLM selaku agensi yang mengawal selia terminal mengucapkan setinggi terima kasih atas persetujuan Setiausaha Kerajaan Pahang dan Kerajaan Negeri Pahang atas penukaran nama berkenaan," menurut kenyataan itu.

11 FEBRUARI 2021

Memancing rekreasi dibenarkan mulai esok



Oleh Nor Azizah Mokhtar - Februari 11, 2021 @ 6:04pm
bhnews@bh.com.my



"Pemilik bot memancing pula perlu mempunyai lesen Jabatan Laut dalam tempoh sah dan berdaftar dengan Jabatan serta kapasiti bot tidak melebihi 50 peratus daripada bilangan penumpang maksimum," katanya.

SUDUT KREATIF

If You Need Me

If u need ADVICE, SMS ME,

If u need DARLING, CALL ME,

If u need HELP, E-MAIL ME,

IF U NEED MONEY, Nombor yang anda dail, tiada dalam perkhidmatan kami, Terima kasih.

Source:

<https://www.ceritalawak.com/2013/08/102-if-you-need-me.html>



Dialukan-alukan kepada semua pegawai dan kakitangan JLM yang berminat untuk berkongsi cerpen pendek, nukilan ringkas dan berkarya untuk dimasukkan ke dalam Buletin Jabatan Laut Malaysia.

**KEMPEN 10 MINIT
MEMBACA
DIKALANGAN
PEGAWAI DAN
KAKITANGAN
JABATAN LAUT
MALAYSIA**



Disclaimer!
Untuk makluman artikel yang dikongsikan hanyalah bahan bacaan dan tiada kaitan dengan mana-mana individu dan organisasi



Melamar Gadis Yang Baru Dikenali Semalam

Said pergi ke rumah gadis yang dikenalnya semalam sesuai alamat yang diberikan kepadanya. Apabila bertemu dengan orang tua si gadis, dengan penuh harap, Said bercakap dengan ayah si gadis.

Said: "Maaf, Pak, semalam saya berkenalan dengan Rini, anak Bapak. Entahlah, saat itu juga saya jatuh hati kepadanya dan Rini sendiri sudah bersedia menjadi pendamping saya. Untuk itulah saya datang kemari, untuk melamar Rini."

Bapak: "Adik ini bagaimana? Rini anak saya itu sudah meninggal dunia 7 hari yang lalu kerana kemalangan!" Said: "Tidak apa-apa, Pak. Saya sendiri juga sudah meninggal dunia 100 hari yang lalu."

Source:

<https://www.ceritalawak.com/2015/03/1080-melamar-gadis-yang-baru-dikenali-semalam.html>

**BULETIN JLM/
FEBRUARI 2021**

17



KEMPEN
10 MINIT
MEMBACA
JABATAN LAUT
MALAYSIA

tsundoku
tsundoku

Keinginan untuk membaca buku, tetapi tidak membacanya.
Tsundoku ialah gabungan perkataan daripada bahasa Jepun, iaitu 'tsun' dan 'doku'.

Disediakan oleh:
Unit Korporat JLM
bersama

matrain
Majlis Pendidikan dan Latihan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Penghargaan-
<http://prpm.dbp.gov.my>

 JabatanLautMalaysia
 @lautmy
 jabatanlaut

*Kata lama
Bahasa Melayu
yang jarang
atau sudah
tidak digunakan*

jib

Maksud: Layar yang berbentuk segi tiga yang dipasang pada tiang perahu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010)..

Penggunaan Dalam Ayat: '... itu, lalu dilayarkanlah juga ke laut dengan satu jib sahaja. Maka kelihatanlah dua buah perahu payar ada berlayar di ...' (Pelayaran Abdullah Munshi ke Kelantan, 1838, dalam Malay Concordance Project).

SENTUHAN ROHANI



MUTIARA KATA:

Ilmu adalah cahaya penyuluh dalam kehidupan manusia. Dengan ilmu, ia dapat membimbing manusia ke arah kebaikan serta mengeluarkan diri manusia daripada kegelapan dan kejahilan kepada cahaya dan kebenaran."

RENUNG & FIKIR FIKIRKAN.

*Berfikir
sejenak!*

Nukilan :
Penaku Iziora

**RESEPI
JENAHAK
MASAK STIM**

Bahan-bahan:-

- 1 ekor ikan jenahak (ikan ni biasanya saiz besar).
- 2 inci halia (dihiris nipis2)
- 2 labu bawang besar (dihiris bulat2)
- 4 ulas bawang putih(dimayang halus)
- 3 sudu sos tiram
- 1 biji Asam Boi
- 1 biji limau nipis (perahan limau jadikan jus - optional)
- 2-3 cawan air
- 4 biji cili padi (dibelah 2)
- 1 biji tomato (dipotong 4)

Sedikit garam

- 1 biji carrot (dipotong ikut suka)
- 1 batang celery (dipotong ikut suka)
- 1 biji chili merah (dihiris nipis2)
- 3 tangkai daun bawang – hiasan



Cara Penyediaan

[NOTA : Utk penyediaan ikan kukus ni, just guna pemanggang ajaib jer...lagi pun cepat disediakan dan tak perlu tunggu lama or boleh guna pengukus dan kukus ikan yg dilumurkan dengan sedikit garam dan sos tiram dan masukkan semua bahan2 lain utk penyediaan kuah di dalam periuk dan masak hingga mendidih]

1.Ikan Jenahak dicuci bersih2 dan dikelar2.

2.Masukkan ikan, air, sos tiram, asam boi, garam, halia, bawang besar + putih, cili padi dan perahan jus limau ke dalam pemanggang ajaib. Tutup pemanggang ajaib tersebut dan kukus selama 5-8 minit ikut size ikan

3. Kemudian masukkan carrot, tomato, celery, chili merah dan kukus lg selama 3-5 minit. Kalau kuah pekat masukkan sedikit air utk cairkan kuah. Dah mendidih angkat dan hidangkan.

4.Taburkan dengan hirisan daun bawang sbg hiasan

**SELAMAT
MENCUBA!**

